

21/11/1997

Premis judi berkurangan

Muhd Yusuf Abu Bakar

KOTA KINABALU, Khamis - Jumlah premis perjudian dan mesin slot berkurangan sebanyak 50 peratus sejak 1995 berikutan usaha kerajaan mengurangkan kegiatan perjudian di negeri ini yang menimbulkan pelbagai gejala sosial.

Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee, berkata bilangan mesin slot yang diluluskan untuk persatuan, syarikat dan juga kelab berkurangan daripada purata 400 mesin pada 1993 kepada hanya 150 sehingga Oktober lalu.

Menurutnya, pengurangan dibuat mengikut janji kerajaan ketika pilihan raya negeri lalu untuk memastikan kegiatan judi yang menimbulkan gejala negatif di kalangan rakyat dikurangkan sepenuhnya.

"Premis ejen judi turut dikurangkan daripada 391 premis di seluruh negeri kepada 85 yang dibenarkan beroperasi pada awal 1996. Jumlah berkenaan tidak akan ditambah berikutan tindakan kerajaan negeri tidak membenarkan penubuhan syarikat perjudian baru," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Chau Chin Tang (BN-Sembulan) dalam sesi soal jawab di Dewan Undangan Negeri Sabah, hari ini.

Ketika menjawab soalan tambahan, Dr Maximus Ongkili (PBS-Langkon), Yong berkata pembabitan agensi kerajaan dalam pelaburan saham perjudian Syarikat Repco tidak dirujuk terlebih dahulu kepada Kabinet atau kerajaan negeri.

"Kerajaan akan mengkaji semula pembabitan wang kerajaan dalam syarikat perjudian terbabit selaras pendirian kerajaan Barisan Nasional mengurangkan kegiatan judi di negeri ini," katanya.

Yong turut membidas pandangan wakil pembangkang itu kononnya kerajaan negeri tidak berusaha bersungguh bagi mengatasi masalah perjudian di Sabah.

"Kerajaan terdahulu pernah mengemukakan cadangan untuk mengatasi masalah perjudian di negeri ini selepas didesak polis dan pertubuhan bukan kerajaan berikutan meningkatnya premis judi di negeri ini pada 1990.

"Bagaimana pun tiada usaha serius kerajaan negeri pada waktu itu untuk mengatasi masalah perjudian, sebaliknya jumlah premis judi terus meningkat," katanya.

Yong berkata, sekurang-kurangnya kerajaan BN bukan sahaja berusaha mengurangkan premis judi di negeri ini, tetapi turut tidak mengeluarkan lesen baru kepada syarikat yang ingin beroperasi.

Sementara itu, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Abdul Ghapur Salleh berkata jumlah peneroka Felda di Tawau dan Lahad Datu kini berjumlah 1,694 orang dengan 95 kekosongan di Felda Gususan Sahabat dan Felda Umas.

Ketika menjawab soalan Datuk Ahmad Bahrom Abu Bakar Titingan (BN-Dilantik), Abdul Ghapur berkata, Felda kini sedang menyenaraikan calon yang layak bagi mengisi kekosongan yang ada.

Mengenai Felda Kalabakan yang belum mempunyai peneroka, beliau berkata, cadangan awal penubuhan Felda berkenaan untuk penduduk suku Murut di Kalabakan untuk diambil sebagai peneroka.

Bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan pada 1990 membekukan pengambilan peneroka baru menyebabkan Felda Kalabakan tidak mempunyai peneroka.

"Selepas berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad, beliau bersetuju memberi pengecualian kepada Felda Kalabakan untuk mengambil peneroka suku Murut dan usaha menempatkan mereka akan dilaksanakan tidak lama lagi," katanya ketika menjawab soalan tambahan Dr Ongkili.

(END)

